



Rujukan Kami : APMM UKK 100-2/1 Jld. 8 (20)
Tarikh : 3 Julai 2017

SIARAN MEDIA

MARİTİM MALAYSIA LANCARKAN OPERASI PADU BERSAMA TLDM DAN PASUKAN POLİS MARİN

PUTRAJAYA, 3 Julai – Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) hari ini melancarkan Operasi Bersepadu antara Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Pasukan Polis Marin (PPM) bagi membanteras aktiviti rompakan di laut yang dikenali sebagai “OPS PADU”.

Dalam sidang media bersama yang diadakan di Ibu Pejabat Maritim Malaysia Putrajaya, Ketua Pengarah Maritim Malaysia, YBhg Laksamana Maritim Dato’ Indera Zulkifili bin Abu Bakar berkata, “objektif operasi ini dilancarkan bertujuan untuk membanteras aktiviti rompakan di laut yang menjadikan kargo minyak diesel sebagai sasaran. Ianya dilihat sebagai memenuhi permintaan dan penawaran dalam pasaran gelap yang mana harga yang ditawarkan jauh lebih rendah dari harga pasaran antarabangsa dan juga tempatan.”

“Usaha untuk membanteras aktiviti rompakan di laut perlu tertumpu pada usaha menghapuskan tawaran dan juga permintaan. Bukan sahaja Maritim Malaysia malahan penglibatan agensi penguat kuasa maritim yang lain turut terlibat seperti Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Pasukan Polis Marin (PPM) dengan memainkan peranan masing-masing di samping mengangkat seruan kerajaan dalam pelaksanaan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS)”.

Laksamana Maritim Dato’ Indera Zulkifili bin Abu Bakar turut menjelaskan bahawa melalui konsep ini, kekangan dan jurang dari segi bidang kuasa dapat diatasi dengan keadah yang teratur. “Setiap aset akan akan ditempat sekurang – kurangnya seorang pegawai dari agensi lain. Sebagai contoh jika aset TLDM digunakan bermakna seorang pegawai Maritim Malaysia dan seorang pegawai PPM akan ditugaskan bersama sepanjang operasi. Manakala jika aset PPM digunakan, seorang pegawai Maritim Malaysia dan seorang pegawai TLDM akan ditugaskan bersama sepanjang operasi. Begitu juga seterusnya jika melibatkan aset Maritim Malaysia.”

Beliau berkata, “kawasan operasi hanya tertumpu pada Perairan Wilayah (MTW) dan pemeriksaan akan mensasarkan kepada kapal – kapal tangki yang membawa produk petroleum cecair seperti diesel dan petrol sahaja (tidak termasuk cecair lain). Fokus pemeriksaan adalah terhadap dokumen perkapalan, dokumen kargo dan segala deklarasi yang melibatkan pergerakan atau aktiviti kapal dan juga kargo. Selain itu, Ops Padu ini juga secara tidak langsung dapat memberi pendedahan kepada pegawai yang terlibat dalam mengaplikasikan ‘best practice’ yang dilakukan sepanjang bersama aset sahabat ketika melaksanakan operasi.”

Laksamana Maritim Dato’ Indera Zulkifili bin Abu Bakar turut menambah bahawa sidang media bersama seperti ini juga bertujuan untuk membuktikan kepada kerajaan bahawa konsep NBOS dilaksanakan bukan sahaja dalam usaha membanteras jenayah di daratan malah ianya juga dapat dilaksanakan di laut yang mana ia juga secara tidak langsung dapat mengurangkan kos operasi serta meningkatkan efisiensi. Ia juga bertujuan untuk menunjukkan kepada komuniti berkepentingan bahawa usaha yang dijalankan bukan hanya usaha satu agensi tetapi ia melibatkan pelbagai agensi dengan membuktikan agensi kerajaan di laut ini mampu bekerjasama dalam usaha menjaga keamanan dan keselamatan perairan Malaysia.

“Sebarang salah laku yang dikesan dan sekiranya tangkapan dibuat, bidang kuasa pegawai yang ditugaskan di atas aset tersebut akan digunakan bagi melaksanakan tangkapan dan seterusnya siasatan dan pendakwaan akan dibuat oleh Maritim Malaysia. Proses tangkapan dan serah menyerah adalah mengikut Prosedur Operasi Tetap (SOP) agensi sedia ada.

Dalam masa sama Laksamana Maritim Dato’ Indera Zulkifili bin Abu Bakar berkata bahawa Maritim Malaysia juga membuka ruang kepada mereka yang mempunyai maklumat tentang kegiatan jenayah rentas sempadan seperti ini untuk menyalurkan maklumat supaya penjenayah dapat diberkas dan dikenakan hukuman setimpal.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh Unit Komunikasi Korporat,
Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
Jabatan Perdana Menteri,
PUTRAJAYA

Sebarang pertanyaan, sila hubungi:
Pegawai Perhubungan Awam Maritim Malaysia
En. Adeli Hussin
Tel Pejabat : 03-89957006
Faks : 03-89411000
E-Mail : adeli@mmea.gov.my